

**EDISI
MEI - OGOS
2023**



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

ARKIB NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

YAYASAN SUKARELAWAN SISWA

YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

YAYASAN TUN RAZAK

Buletin UNITI



TINTA BICARA KSU

**YBHG.DATO' INDERA NORIDAH
BINTI ABDUL RAHIM**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara



Assalamualaikum w.b.t,

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bertemu lagi dalam Edisi ke-2, Buletin UNITI (BU) bagi tahun 2023. Sekalung tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Sidang Redaksi BU diatas komitmen dalam penerbitan BU kali ini.

Seperti semua sedia maklum, pelbagai program telah diatur oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi tahun 2023. Pada bulan Mei 2023, Sambutan Minggu Perpaduan telah diadakan dan menjadi '*signature*' ataupun '*highlight of the year*' KPN. Sambutan yang dilaksanakan selama lapan (8) hari di Waterfront Kuching, Sarawak ini melakar sejarah kepada KPN apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku perkenan untuk merasmikan sambutan itu bersama-sama dengan kehadiran YAB Perdana Menteri. Ini adalah momen-momen manis yang perlu diraikan sekaligus menjadikannya sebagai tanda aras dalam meneruskan kecemerlangan yang telah dilakar ini dalam program-program yang akan datang.

Bermula Mei hingga Ogos, pelbagai program yang telah berjaya dilaksanakan oleh KPN bagi memastikan agenda perpaduan diterapkan dalam masyarakat Malaysia. Ini jelas membuktikan segala usaha KPN dalam menjamin perpaduan negara ini sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada semua pihak.

Diharapkan BU Edisi ke-2 tahun 2023 ini, dapat menjadi *platform* dan wardah bernilai KPN untuk berkongsi segala aktiviti, program, dasar dan inisiatif kepada masyarakat sekaligus meningkatkan imej Kementerian Perpaduan Negara dalam memberi manfaat kepada semua pembaca.

Akhir kata, semoga semua pihak meneruskan kecemerlangan pada bulan-bulan seterusnya agar agenda perpaduan nasional dapat terus terlaksana.

Sekian, Terima Kasih.

SIDANG REDAKSI

Penasihat :
Mutia Azura binti Mohamed

Ketua Pengarang :
Fauziah binti Abdullah

Ketua Penyelaras :
Nur Emieliana binti Ishak

Penyelaras :
Norisam bin Shahidan
Siti Muzlifah binti Mohammad

Jurufoto :
Faiz bin Attan
Imaan Hidayat bin Syafarian
Mohammad Nur Ikmal bin Usman



RUKUN NEGARA

Bahwasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak :

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya

Memelihara satu cara hidup demokratik

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan
menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
atas prinsip-prinsip yang berikut :

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



3 MEI - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 ini telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada 487 Warga Kementerian Perpaduan Negara yang juga terdiri daripada Jabatan dan Agensi atas kecemerlangan sepanjang Tahun 2022. Semoga pengiktirafan dan penghargaan seumpama ini akan menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada seluruh warga perpaduan untuk terus produktif dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan, berkualiti dan berintegriti.

"Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini akan dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dan terus mendukung usaha kerajaan ke arah membangun Malaysia MADANI." petikan ucapan YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)



5 MEI - Kementerian Perpaduan Negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui *National Child Development Research Centre (NCDRC)*. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersama YBrs. Profesor Dr. Marzita binti Puteh, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPSI dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

HARI TERBUKA PARLIMEN



6-7 MEI - Pameran Kementerian Perpaduan Negara sempena Hari Terbuka Parlimen di Dewan Banquet, Parlimen, Kuala Lumpur.

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA
MEDIATOR KOMUNITI NEGERI PERAK



7 MEI - Kementerian Perpaduan Negara melalui JPNIN telah mengadakan Majlis Perjumpaan YB Menteri, Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara bersama Mediator Komuniti Negeri Perak di Ipoh, Perak. Sehingga kini, 32 orang ahli Mediator Komuniti yang telah berjaya ditauliahkan di seluruh Negeri Perak.

LAWATAN YB MENTERI
KE MUZIUM MATANG NEGERI PERAK



8 MEI - YB Datuk Aaron Ago Dagang telah melawat ke Muzium Matang yang terletak di Taiping, Perak. Muzium Matang yang berusia lebih 19 tahun merupakan Muzium yang berada di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia. Muzium ini dikenali sebagai Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim. Ia mempamerkan kronologi sejarah yang berlaku di dalam bangunan yang pernah menjadi kediaman Ngah Ibrahim iaitu Pusat Pentadbiran Larut British dan Jepun.

MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI BERSAMA JENTERA PERPADUAN NEGERI PERLIS DAN KEDAH

MADANI PERPADUAN

Majlis Ramah Mesra

YB MENTERI PERPADUAN NEGARA
BERSAMA WARGA KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGERI KEDAH DAN
PERPADUAN NEGERI PERLIS

8 MEI - Majlis Ramah Mesra bersama warga Kementerian Perpaduan Negara dan Jentera Perpaduan Negeri Kedah dan Perlis. Menteri Perpaduan Negara menyerahkan sumbangan *Mock-Cheque* Geran Rukun Tetangga Tahun 2023 bagi Zon Kedah dan Perlis. Beliau turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Rakan Strategik yang bersama-sama membantu KPN dalam merealisasikan Agenda Perpaduan Nasional.

LAWATAN YB MENTERI KE KEBUNUTI MADANI KRT TAMAN MUTIARA, TAMAN KOPERASI NEGERI KEDAH



9 MEI - Kebuniti MADANI sangat digalakkan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi mempertingkatkan hasil pertanian di peringkat komuniti di samping menjana pendapatan bagi memperkasa ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara memulakan Lawatan Kerja ke Kedah dengan melawat ke Kebuniti MADANI KRT Taman Mutiara, Alor Setar Kedah.

LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERPADUAN KE PERAK DAN KEDAH

LAWATAN YB MENTERI KE RUMAH MERDEKA



9 MEI - Mengunjungi Rumah Merdeka yang terletak di Jalan Anak Bukit. Barang-barang yang pernah digunakan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman turut dipamerkan kepada pengunjung dan susun atur di dalamnya dikekalkan secara asal bersama dengan pemasangan audio untuk menyampaikan informasi kepada pengunjung.

Rumah ini dinamakan sebagai Rumah Merdeka kerana urusan untuk mendapatkan Kemerdekaan dilakukan oleh Tunku bersama rakan-rakannya di sini. Di samping itu, YB Datuk Aaron turut melawat ke Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir yang terletak di Alor Setar, Kedah.

LAWATAN YB MENTERI KE RUMAH KELAHIRAN TUN DR. MAHATHIR



SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



16 MEI - Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023 Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan/ Agensi.



Sambutan MINGGU PERPADUAN



20-28 MEI - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli ke Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2023 yang diadakan buat julung kalinya di Kuching Waterfront, Sarawak.

Sambutan Minggu Perpaduan menjadi manifestasi kepada Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity In Diversity*) dan merupakan salah satu inisiatif di bawah *Flagship Kembara Perpaduan*. Dalam majlis yang sama, turut berlangsung acara pakaian etnik *Books of Record* yang menyerlahkan pemakaian busana tradisional. Seramai 2,471 telah direkodkan bagi penyertaan pada program kali ini.

Turut hadir ke Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2023 ialah Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Yusuf, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perusahaan Perdagangan dan Komoditi, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan dif-dif kenamaan.



Sambutan MINGGU PERPADUAN



PROGRAM FORUM BICARA TOPIK 'LIMA DEKAD RUKUN NEGARA : DI MANA PERPADUAN MALAYSIA KINI?



30 MEI - Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Institut Kajian Etnik (KITA) telah menganjurkan Forum Bicara dengan topik 'Lima Dekad Rukun Negara: Di Mana Perpaduan Malaysia Kini?' bertempat di Dewan Sheikh Othman, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Forum ini telah menampilkan barisan panelis yang terdiri daripada Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), Tuan Haji Badlishah Sham Baharin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA) UKM, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, FASc, dan Timbalan Ketua (Strategi) Ibu Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Lestari PBB (SDSN) Sunway University, Prof Dr Wong Chin Huat. Forum ini telah dihadiri lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa pelbagai universiti, agensi kerajaan dan NGO serta ditonton secara dalam talian. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Indera Noridah Abd Rahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara.



PROGRAM RAMAH TAMAH UNITI KAAMATAN DAN GAWAI



9 JUN - YB Datuk Aaron Ago Dagang telah merasmikan Program Ramah Tamah UNITI Kaamatan & Gawai Tahun 2023 yang diadakan di Dewan Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor. Program Ramah Tamah UNITI Kaamatan dan Gawai yang diraikan ini merupakan simbolik kepada semangat perpaduan dan muhibah yang amat penting dipupuk dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terutama di Negeri Johor yang kini mempunyai seramai lebih kurang 30,000 orang penduduk dari Sabah dan Sarawak.





9 JUN - Mesyuarat perancangan Key Performance Indicators (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA), Sasaran Kerja Utama (SKU) dan Outcome Based Budgeting (OBB) Kementerian Perpaduan Negara (KPN).



LAWATAN KERJA YB DATUK AARON KE NEGERI JOHOR

LAWATAN KE KEBUNUTI MADANI



LAWATAN KE TABIKA PERPADUAN



11 JUN - Lawatan Kerja YB Datuk Aaron, Menteri Perpaduan Negara ke Negeri Johor dimulakan dengan melawat Kebuniti MADANI yang diusahakan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pancasila A, Kulai Johor. Melalui Program Kebuniti MADANI ini, skop pelaksanaan telah diperluaskan kepada subsektor iaitu tanaman dan akuakultur.

Pelbagai jenis tanaman yang diusahakan oleh pihak KRT bagi meningkatkan aktiviti sosioekonomi menerusi ternakan ikan, tanaman terung dan buah nenas. Aktiviti ini sekaligus bagi menjana pendapatan sejajar dengan fokus Kementerian dalam membangunkan Komuniti RAHMAH yang berada di bawah Flagship Kembara Perpaduan. YB Menteri turut meluangkan masa beraram bersama kanak-kanak Tabika Perpaduan Taman Pancasila A & B, Kulai Johor.

PROGRAM 'INI WARISAN KITA' NEGERI MELAKA



18 JUN - Program Ini Warisan Kita Negeri Melaka memaparkan keindahan dan keistimewaan etnik Chetti dan Portugis. Program yang merupakan inisiatif di bawah Kementerian Perpaduan Negara ini bertujuan untuk memelihara dan memulihara kepelbagaiannya warisan di Malaysia.



MAJLIS NGILING BIDAI



23 JUN - Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menganjurkan Majlis 'Ngiling Bidaai' yang merupakan inisiatif di bawah kluster Semarak Perpaduan. Program ini bertujuan bagi menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarluas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaiannya adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama.



PROGRAM JOM GERAK RAHMAH 2023: JOM BERSIH DAN INDAH



24 JUN - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program Gerak Rahmah 2023 'Jom Bersih dan Indah' di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Uma Belor, Sungai Asap, Belaga, Sarawak yang melibatkan dua belas (12) KRT dengan penyertaan seramai 500 orang masyarakat setempat. Program ini juga telah berlangsung serentak di seluruh negara melibatkan 4,200 lokasi KRT.



MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA BELAGA, SARAWAK



24 JUN - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Program Hari Terbuka Perpustakaan Desa Kampung Sungai Asap, Belaga, Sarawak sempena Program Kembara Perpaduan Warisan Kita, Gerak Rahmah Bintulu 2023. Perpustakaan Desa diwujudkan bagi membolehkan masyarakat luar bandar menikmati kemudahan pembacaan dan prasarana ilmu yang lengkap dan menyeluruh.

LAWATAN KE KRT UMA BAHU APAU KOYAN, SUNGAI ASAP BELAGA



24 JUN - YB Datuk Aaron telah melawat ke Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Uma Baha Apau Koyan, Sungai Asap, Belaga untuk meninjau Kebuniti MADANI yang diusahakan oleh mereka. Kebuniti MADANI KRT merupakan tapak integrasi dalam mengukuhkan ikatan perpaduan dan keharmonian melalui aktiviti bercucuk tanam bersama penduduk berbilang kaum. Objektif utamanya adalah untuk mempertingkatkan hasil pertanian di peringkat komuniti di samping menjana pendapatan bagi memperkasakan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

PROGRAM SOLIDARITI 2023



25 JUN - Dalam sesi lawatan YB Datuk Aaron ke Sarawak, beliau dan delegasi Kementerian berkesempatan ke Program Solidariti 2023 dan sekaligus menyempurnakan Pelancaran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) baru di Daerah Belaga, Sarawak.



MAJLIS PERASMIAN PAMERAN '100 TAHUN SINEMA MALAYSIA'



26 JUN - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke sesi *Walkabout* sekaligus menyempurnakan Majlis Perasmian '100 Tahun Sinema Malaysia'. Beliau sempat menyantuni dan beramah mesra bersama karyawan dan penggiat seni tanah air negara yang turut hadir. '100 Tahun Sinema Malaysia' merupakan tema yang diangkat bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-100 Industri Perfileman Negara pada tahun ini.





4 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang telah menyempurnakan majlis perasmian Wacana Perpaduan : Mendepani Defisit Sosial yang diadakan di Bangi Convention Centre (BACC). Program ini telah dihadiri lebih 1,000 peserta termasuk yang mengikuti secara langsung di Facebook rasmi Kementerian Perpaduan Negara. Objektif penganjuran wacana ini adalah bagi memberikan pemahaman tentang isu dan cabaran yang boleh menjelaskan perpaduan serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara dan mengukuhkan perpaduan sebagai asas pembangunan Malaysia MADANI.





9 JULAI - YB Datuk Aaron telah merasmikan Program Ini Warisan Kita yang berlangsung di IOI City Mall, Putrajaya. Program yang bertemakan “Melestarikan Perpaduan” ini sangat bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen hormat-menghormati serta menjadikan warisan sebagai salah platform pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Objektif utama penganjuran program Ini Warisan Kita adalah bagi melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini.



LAWATAN KERJA KE PAHANG



PROGRAM BICARA BAHASA KOLOKIAL : MELESTARI KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI BERTEMAKAN 'MENGHILIR SUNGAI PAHANG'

13 JULAI - YB Datuk Aaron telah menyempurnakan program bicara bahasa kolokial: Melestari Keberdayaan Bahasa Komuniti Bertemakan 'Menghilir Sungai Pahang' anjuran Arkib Negara Malaysia. Program ini bertujuan untuk menjadikan Arkib Negara Malaysia sebagai pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa dalam memperkuuhkan semangat cintakan sejarah dan patriotisme di kalangan masyarakat. Bahasa Kolokial adalah bahasa percakapan atau bahasa pasar yang digunakan oleh masyarakat pelbagai kaum dan etnik dalam kehidupan sehari-hari.



PROJEK EKONOMI KRT NEGERI PAHANG DAN PUSAT PEMPROSESAN MAKANAN KERING JIRAN WANITA KRT CENDERAWASIH TIMUR

13 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang telah meninjau Projek Ekonomi KRT Negeri Pahang dan Pusat Pemprosesan Makanan Kering Jiran Wanita KRT Cenderawasih Timur. Pengumpulan sumber rujukan mengenai bahasa dalam memperkuuhkan semangat cintakan sejarah dan patriotisme di kalangan masyarakat.



LAWATAN KERJA KE PAHANG



PROGRAM KLIK E-USAHAWAN



13 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang telah melancarkan Program Klik e-Usahawan di Perpustakaan Desa Kampung Panching, Kuantan. Program ini merupakan kolaborasi di antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu menggunakan platform media sosial bagi mempromosikan produk-produk keusahawanan.




LAWATAN KERJA RASMI KE MUZIUM SUNGAI LEMBING JABATAN MUZIUM MALAYSIA

13 JULAI - YB Datuk Aaron telah melawat ke Muzium Sungai Lembing. Muzium ini berperanan untuk menyebarkan maklumat serta mempamerkan bukti-buktii sejarah kegemilangan perlombongan bijih timah di Sungai Lembing seiring dengan statusnya yang pernah menjadi kawasan perlombongan bawah tanah yang terbesar di dunia.



MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA



20 JULAI - Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) diadakan buat kali pertama bagi tahun ini dan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Penggerusi MPPN bagi sesi keahlian baharu dari 2023 hingga 2025.

MPPN ditubuhkan sebagai usaha bagi menasihati Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (national reconciliation) dari pelbagai sudut serta mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk memastikan perpaduan negara terus dipelihara agar masyarakat negara ini dapat menikmati kehidupan yang aman, sejahtera dan harmoni.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG ZON BORNEO



30 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah diadakan di Kuching, Sarawak. Seramai 71 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 Peringkat Zon Borneo yang diraikan. Penerima-penerima yang diraikan merupakan warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan.



LET'S GO KAYAKING!



30 JULAI - Kelab Sukan dan Kebajikan KPN (Kelab UNITI) telah mengadakan aktiviti air: Let's Go Kayaking!.



JOM BOLING PERPADUAN!

2 OGOS - Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menganjurkan Kejohanan Boling UNITI Tahun 2023. Penyertaan ini melibatkan warga Kementerian Perpaduan Negara dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN dan YBrs. Encik Mohd Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN.



OGOS

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



3 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah meraikan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Indera Nordinah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha KPN telah menyempurnakan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang sekaligus menyerahkan Jalur Gemilang kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian, Jabatan dan juga Agensi sebelum memasang Jalur Gemilang pada kenderaan Jabatan.



PROGRAM BERAMBEH DI KAMPUNG SANTUBONG



5 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara telah mengikuti Program Bersama Komuniti Berambeh di Kampung Santubong - "Santuni Warisan Kita". Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Program bersama komuniti tempatan ini adalah bertujuan untuk merapatkan institusi permuziuman dengan masyarakat tempatan. Pelbagai aktiviti berbentuk kemasyarakatan telah dilaksanakan seperti aktiviti gotong-royong, sumbangan Bakul Rahmah, sumbangan buku-buku terbitan Muzium, pameran, dan pemeriksaan kesihatan serta jualan produk tempatan.



PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL MAHASISWA



6 OGOS - Majlis Penutup Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2023 di Sarawak yang melibatkan pelajar berbilang bangsa dari UPM Kampus Bintulu dan IPG Kampus Rajang. Program yang berlangsung selama lima (5) hari ini melibatkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Nanga Tada Zon 1,2,3,4 dan 5. Pelbagai pengisian bermanfaat yang dilaksanakan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Arkib Negara Malaysia (ANM) iaitu explorasi komuniti, gotong-royong, aktiviti kesukarelawanan, sukan perpaduan, rewang dan banyak lagi.



MAJLIS PELUNCURAN EKSPLORASI RUKUN NEGARA



13 OGOS - Majlis Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara di MyTown Shopping Centre telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Pelaksanaan program merupakan susulan daripada persetujuan Kerajaan ke atas cadangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) agar sesi lafadz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.

Pelbagai aktiviti dan pengisian menarik turut dilaksanakan dengan kerjasama oleh Jabatan dan juga Agensi.



PROGRAM TUISYEN KAMI



13 OGOS - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Pusat Tuisyen KAMI di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor. KRT Taman Sri Serdang terpilih sebagai perintis kepada Program Tuisyen KAMI di atas kecemerlangan KRT ini dalam program-program yang berimpak tinggi kepada komuniti setempat di Negeri Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menyumbang sebanyak 500 buah buku dan seterusnya melancarkan Unity Library di KRT Taman Sri Serdang.



EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH



14 OGOS - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan melancarkan Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah Tahun 2023 di Dewan Kompleks Seri Bintang, Kuala Lumpur. Sehingga kini terdapat 6,849 Kelab Rukun Negara di seluruh negara. Dalam program yang sama, YB Datuk Aaron turut melancarkan Buku Malaysia Tanah Airku terbitan Arkib Negara Malaysia yang diedarkan kepada sekolah-sekolah di seluruh negara sebagai rujukan guru dan pelajar mengenai Rukun Negara.



PROGRAM EKSPLORASI MERDEKA@MUZIUM



16 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Program Semarak Merdeka : Warisan dan Wawasan. Program ini dihadiri oleh YBrs. Encik Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN. Program yang diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini bertujuan untuk menggelorakan semangat patriotik dan cintakan tanah air dalam kalangan masyarakat.

PROGRAM SEMARAK MERDEKA: WARISAN DAN WAWASAN



17 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Program Eksplorasi Merdeka@Muzium yang diadakan di Muzium Negara. Program Eksplorasi Merdeka@Muzium ini membuka peluang kepada generasi muda terutama di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk meneroka dengan lebih dekat mengenai sejarah, tokoh-tokoh serta melihat monumen dan artifak yang dipamerkan.

PUSPANITA : KEJOHANAN MAKSWIP



19 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara telah menyertai Kejohanan Bola Jaring MAKSWIP 2023 anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP). Seramai 12 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi yang bersama-sama berganding bahu dalam perlawanan yang berlangsung di UNITEN Sport, Bangi.

PUSPANITA : BENGKEL IKAT DAN CELUP



23 OGOS - Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Tekstil, Kuala Lumpur telah menganjurkan Bengkel ikat dan celup. Lebih 50 warga Puspantita Kementerian Perpaduan Negara telah menyertai bengkel ini. Antara aktiviti utama adalah menghasilkan fabrik bercorak melalui cara tradisional iaitu ikat dan celup atau lebih dikenali sebagai shibori.



RAPTAI HARI KEBANGSAAN



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023



31 OGOS - Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI telah turut serta dalam acara Perarakan dan Perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2023 yang diadakan di Dataran Putrajaya.

Kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI yang diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara ini memiliki kekuatan seramai 400 orang yang terdiri daripada warga Kementerian dan pelajar Universiti di bawah Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Perbarisan yang diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN memperagakan pakaian tradisional etnik pelbagai kaum.

Inisiatif ini merupakan salah satu penterjemahan slogan Kementerian Perpaduan Negara iaitu Perpaduan dalam Kepelbagaiannya melalui pakaian tradisi yang jua selari dengan tema pada tahun ini iaitu 'Malaysia MADANI : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan'.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MoF)



11 JULAI - YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Shahrol Anuar bin Sarman, Pengarah Belanjawan Negara. Kunjungan ini membentangkan permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2024, keutamaan peruntukan 2024 dan way forward Bajet KPN.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA YB SENATOR AKNAN EHTOOK, AHLI DEWAN NEGARA



18 JULAI - Kunjungan Hormat YB Senator Aknan Ehtook, Ahli Dewan Negara kepada YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Kunjungan ini adalah untuk membincangkan kerjasama antara Persatuan Siam Malaysia dan KPN untuk melaksanakan program pembelajaran bahasa ibunda dan budaya komuniti bagi masyarakat siam.

**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA
YBHG. PROF. MADYA DR. MOHAMED AZAM BIN MOHAMED ADIL,
KETUA PENGARAH INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**



8 OGOS - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan delegasinya. Objektif utama kunjungan delegasi IKIM ke KPN adalah untuk memaklumkan perkembangan Projek Piagam Harmoni yang dilaksanakan oleh mereka. Pertemuan ini juga bertujuan untuk memantapkan hubungan kerjasama antara kementerian dan pertubuhan IKIM dalam memastikan agenda perpaduan nasional terlaksana.



**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA YB NGWE HEE SEM,
EXCO KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN NEGERI MELAKA**



8 OGOS - Kementerian Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YB Ngwe Hee Sem, EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka ke Pejabat YB Datuk Aaron Ago Dagang. Perbincangan yang berlangsung ini mencakupi hal-hal berkenaan inisiatif di peringkat Kerajaan Negeri Melaka dalam usaha merealisasikan agenda perpaduan negara dan kesejahteraan sosial.

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

LAWATAN KERJA DATO' INDERA KSU KE PROJEK EKONOMI KRT KG. GUNUNG, HULU TERENGGANU



14 MEI - YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah hadir ke Tapak Projek Ekonomi KRT Kg. Gunung yang menjalankan Projek Tanaman Nanas dalam projek ekonomi mereka. Dalam sesi lawatan YBhg. Dato' KSU ini, projek ini telah melaksanakan fasa penanaman kali kedua yang melibatkan penanaman semula anak pokok nanas sebanyak 13,700 pokok. YBhg Dato' Indera KSU juga sempat melawat tapak projek "Community Based Tourism" (CBT) Kalang Rengas yang diusahakan oleh komuniti KRT Kg. Gunung dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu.



**MAJLIS RAMAH MESRA
KRT GONG BARU GONG TOK NASEK, KUALA TERENGGANU
SEMPENA LAWATAN KERJA DATO' KSU KE NEGERI TERENGGANU**



14 MEI - YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah meluangkan masa hadir ke Majlis Ramah Mesra Bersama KRT Gong Baru Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu. KRT Gong Baru Gong Tok Nasek adalah merupakan antara KRT Paling Aktif di Negeri Terengganu yang mana KRT ini telah berjaya menjuarai Anugerah Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan sebanyak 3 kali. YBhg Dato' Indera KSU sempat meninjau beberapa aktiviti ekonomi komuniti di sini seperti mencanting batik, menganyam tikar mengkuang serta menenun songket. YBhg. Dato' KSU juga turut menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada rakan-rakan strategik KRT semasa pelaksanaan majlis ini.



FLAG OFF KONVOI PERPADUAN MALAYSIA MADANI

19 OGOS - Acara *Flag Off* Konvoi Perpaduan Malaysia MADANI yang diadakan selama dua (2) hari bermula 19 Ogos hingga 20 Ogos 2023 yang melibatkan 4 lokasi utama iaitu Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Persatuan Wira Air (PERWIRA) dalam aktiviti kemasyarakatan ini bertujuan untuk menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan.

Antara aktiviti utama dalam konvoi ini adalah penyampaian bakul rahmah kepada golongan asnaf, pengedaran jalur gemilang kepada komuniti, gotong-royong keceriaan merdeka dan kempen budi bahasa iaitu kempen **#cakapbaikbaik** dengan mengumpulkan aspirasi rakyat melalui coretan kata-kata positif.

Hadir pada Majlis *Flag Off* pagi tadi adalah YBrs. Encik Mohd Sobri Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN dan YBhg. Haji Che Roslan Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN.



JABATAN MUZIUM MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN BIDAN



11 MEI - Pameran Bidan ini merupakan julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Konsep yang diketengahkan menerusi pameran ini bukan hanya sekadar mempamerkan artifak dan bahan-bahan berkait dengan dunia perbidanan tetapi turut menonjolkan kepelbagaiannya dalam dunia perbidanan. Pameran ini turut memperlihatkan suatu perbandingan budaya dalam dunia perbidanan tradisional dan moden di Malaysia. Majlis Perasmian Pameran Bidan telah berlangsung pada 11 Mei 2023 di Dataran Muzium Negara dan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



MAJLIS PERASMIAN CITRA NUSA@MUZIUM SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023 (HMA 2023)



30 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak di Perkarangan Borneo Culture Museum, Sarawak. "MUZIUM, KELESTARIAN DAN KESEJAHTERAAN" merupakan tema bagi sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada tahun 2023. Tema ini dipilih oleh Majlis Muzium Antarabangsa atau International Council of Museums (ICOM).



ARKIB NEGARA MALAYSIA

SAMBUTAN MINGGU ARKIB ANTARABANGSA



14 JUN - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bertempat di Auditorium PPPAV, Arkib Negara Malaysia.



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PEMINDAHAN REKOD NEGARA



15 JUN - Majlis Perasmian Seminar Pemindahan Rekod Negara, Melestarikan Perpaduan dan Warisan Bangsa sempena dengan Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Hotel Tenera, Bangi.



PAMERAN KARTUN SEIRING SEJALAN



14 OGOS - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Pameran Kartun 'Seiring Sejalan' yang diadakan sempena Sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2023 (HKHM 2023) di Fahrenheit88 Mall, Bukit Bintang. Lebih 60 karya yang dihasilkan oleh 50 orang artis tempatan turut dipamerkan berbentuk kartun, komik, karikatur dan animasi.

Program yang merupakan cetusan idea Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama oleh Rumah Kartun dan Komik Malaysia yang bertemakan 'We Are Greater Together' selaras dengan tema sambutan HKHM 2023 iaitu 'Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan'.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2023



18 MEI - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) telah menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 secara hibrid yang telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab di Aras 10, Menara PNM dan bersiaran langsung menerusi PNM TV Channel.

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini merupakan satu kaedah untuk menggalakkan pembacaan dan memaklumkan kepada masyarakat umum terutamanya pengkarya dan penerbit mengenai penerbitan.

MAJLIS PELANCARAN KLIK eUSAHAWAN@PD



13 JULAI - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Program Klik eUsahawan@PD di Perpustakaan Desa Kampung Panching, Kuantan bersempena lawatan kerja rasmi di Pahang. Program ini merupakan kolaborasi di antara PNM bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu menggunakan platform media sosial bagi mempromosikan produk-produk keusahawanan. Menerusi program ini, kemudahan tempat latihan akan disediakan kepada golongan muda dan masyarakat setempat yang berminat menceburi bidang keusahawanan melalui perpustakaan desa yang lebih kondusif dan selesa.



FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK 2023



23-24 OGOS - YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah merasmikan Festival Sastera Kanak-Kanak (FSK) 2023 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang berlangsung selama dua (2) hari pada 23 hingga 24 Ogos 2023. Dengan tema 'Cerita Kita, Warisan Kita' ia amat bertepatan dengan inisiatif program 'Ini Warisan Kita' kerana elemen pengisian aktiviti FSK ini turut menyuntik perkongsian cerita warisan kebangsaan yang mampu membakar semula semangat perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakat majmuk khususnya kanak-kanak dan remaja.

Festival kelolaan PNM ini bertujuan untuk menyokong kerangka Kembara Perpaduan Malaysia Madani di bawah teras Ekosistem Perpaduan iaitu Komuniti Rahmah. Program yang melibatkan kerjasama dari pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan NGO ini adalah selaras dengan usaha PNM untuk meningkatkan amalan budaya membaca dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda melalui aktiviti penulisan, pembacaan dan penceritaan di samping menyemarakkan dunia sastera kanak-kanak di Malaysia.



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS)

SESI PEMILIHAN SUKARELAWAN SISWA YSS 2023 ZON SEMENANJUNG



24-25 JUN - Seramai 529 orang calon yang hadir pada sesi pemilihan sukarelawan siswa YSS Zon Semenanjung pada Sabtu dan Ahad. Mahasiswa Universiti Awam, Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik & Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru.

SESI PEMILIHAN SUKARELAWAN SISWA YSS 2023 ZON SABAH & SARAWAK



5 & 6 JULAI - Seramai 118 orang calon yang hadir pada sesi pemilihan sukarelawan siswa YSS Zon Sabah & Sarawak. Mahasiswa Universiti Awam, Institut Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik & Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN MEMORANDUM ANTARA YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS) DAN KOPERASI KILIM LANGKAWI BERHAD (COOPKILIM)



7 JULAI - Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum Antara Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad (CoopKilim) pada 7 Julai 2023 di Dewan Anjung Lestari, Kilim Geoforest Park, Pulau Langkawi sempena penganjuran Program Pembangunan Modal Insan Mentoring & Coaching Eko-Pelancongan untuk 5 Koperasi di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.



PROGRAM YSS-AEON CSR ACTIVITY COASTAL CLEAN UP WITH COMMUNITY 2023



OGOS-SEPTEMBER - Program ini merupakan kerjasama bersama AEON Credit Service (M) Berhad melibatkan 396 orang sukarelawan secara keseluruhan. Ia mensasarkan kutipan sampah sebanyak 3,300 kilogram di 6 buah lokasi di seluruh negara.



LENSA KPN



LENSA KPN





perpaduan negara



Kementerian Perpaduan Negara



PerpaduanNegara



PERPADUAN_NEGARA



PERPADUAN Negara



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel : +603-8091 8000

Emel : pro@perpaduan.gov.my